



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

---

**PANDUAN ISI KANDUNGAN (*CONTENT*),  
PENGHASILAN VIDEO PENDEK DAN HANTARAN  
MEDIA SOSIAL BAGI AKAUN RASMI MEDIA SOSIAL  
JABATAN DAN AGENSI**

## **PANDUAN ISI KANDUNGAN (CONTENT) AKAUN RASMI MEDIA SOSIAL JABATAN DAN AGENSI**

1. Tidak memuat naik gambar/video berunsur objek tajam seperti pisau, gunting dan seumpamanya, bagi mencegah *suicidal* kepada orang awam.
2. Tidak memuat naik gambar/video picagari atau jarum bagi mencegah pengambilan dadah kepada orang awam.
3. Elakkan menunjukkan video/gambar wang tunai, bagi mencegah *scammer*.
4. Elakkan memuat naik rakaman ketika memandu terutama ketika kenderaan sedang bergerak.
5. Tidak memuat naik gambar/video kanak-kanak tanpa berpakaian.
6. Dilarang memuat naik gambar/video alkohol, dadah, tembakau serta menunjukkan bahagian badan yang terdedah (*sexy mainly cleavage*)/video mendedahkan paha, pusat badan atau perlakuan/gambaran seksual.
7. Tidak memuat naik nombor akaun, nombor telefon peribadi dan seumpamanya.
8. Tidak memuat naik gambar mayat, darah dan seumpamanya.
9. Elakkan gambar-gambar zaman dulu (tidak berpakaian).
10. Dilarang memuat naik video/gambar berkenaan berita/informasi yang tidak sahih bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai.
11. Tidak menyiarkan, memuat naik, strim atau kongsi aktiviti/ancaman keganasan/jenayah/perjudian.
12. Tidak menyiarkan kandungan yang melanggar hak cipta, tanda dagangan atau harta intelektual orang lain.

## **PANDUAN PENGHASILAN VIDEO PENDEK**

1. Topik video yang ingin dihasilkan haruslah berinformatif dan menarik.
2. Durasi video hanyalah dua sehingga tiga minit maksimum.
3. Tidak mengandungi kandungan yang sensitif dan seumpama dengannya.

4. Kualiti video perlu disemak:
  - **Resolusi tinggi (1080p)**
  - **Audio yang jelas (Mode stereo)**
  - **Jika menggunakan perakam suara (mikrofon, *clip mic*) pastikan jelas dan tidak pecah**
5. Tempoh masa bagi terbitan video adalah satu (1) video dalam tempoh masa tiga (3) bulan.
6. Video yang telah dihasilkan perlu dimuat naik di semua platform rasmi media sosial Jabatan dan Agensi masing –masing, juga dikongsikan kepada UKK NRECC untuk di hebahkan di media sosial rasmi NRECC.

## **PANDUAN HANTARAN MEDIA SOSIAL**

1. Perlu meletakkan tajuk, isi dan *hashtag*. Contoh seperti berikut:
  - #nama jabatan/ agensi
  - #NRECC
  - #MalaysiaMADANI
2. Perlu membuat hantaran pada masa yang sesuai contohnya membuat hantaran terus selepas program selesai.
3. Pemilihan gambar hantaran yang bersesuaian (tidak menggundang sensitiviti)
4. Elakkan meletakkan gambar terlalu banyak, lima (5) gambar terbaik sudah memadai.

